KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



# TAKLIMAT PERMOHONAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (KKP) 2025

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **26 Februari 2025 (Rabu)** |
| **Masa** | : | **8.30 Pagi – 2.00 Petang** |
| **Tempat** | : | **Hotel Everly, Putrajaya** |

# PENGENALAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

## Definisi

**Gabungan sekurang-kurangnya tiga (3) kumpulan penyelidik** dari CoE dengan CoE/Kumpulan Penyelidik lain (berbeza IPT) yang sama kepakarannya bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dalam bidang nic berfokus




## Visi & Misi

**Visi**

Menjalankan **kegiatan/ aktiviti penyelidikan dalam bidang keutamaan berfokus** bagi memenuhi kepentingan kepada **Quintuple Helix**

**Misi**

Menjadikan **pakar rujuk (*referral point*)** dalam bidang keutamaan berfokus di peringkat serantau dan antarabangsa

## Tujuan Penubuhan

- Menggalakkan CoE ke arah penarafan sebagai HICoE
- Menjadi Pakar Rujuk (*Referral Point*) dalam bidang keutamaan berfokus
- Penggemblengan modal insan tersohor dan perkongsian sumber dalam bidang nic berfokus
- Penyelidikan bersepadu, bermutu dan dimanfaatkan bersama untuk kepentingan negara, akademik, industri, masyarakat dan persekitaran

## Dana Peruntukan & Tempoh Pelaksanaan

- Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah **tidak melebihi siling yang ditetapkan iaitu RM1,000,000**
- Tempoh penyelidikan adalah **24 bulan (2 tahun)**

# PENGENALAN KKP



| 26 BIDANG NIC | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi | 14. | Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam |
| 2. | Perundangan Berkaitan Rasuah | 15. | Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan |
| 3. | Ketersediaan Bakat Masa Hadapan | 16. | Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi |
| 4. | Industri HGHV Nadir Bumi | 17. | Pemerkasaan PMKS dan Perusahaan Sosial |
| 5. | Subsidi Bersasar | 18. | Sanitasi dan Bekalan Air Bersih |
| 6. | Pembudayaan Masyarakat MADANI | 19. | Biodiversiti |
| 7. | Reformasi Perlindungan Sosial | 20. | Pendidikan Berkualiti |
| 8. | Perumahan untuk Rakyat | 21. | Budaya dan Industri Kreatif |
| 9. | Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara | 22. | Persekitaran dan Perubahan Iklim |
| 10. | HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani | 23. | Keselamatan dan Keterjaminan Makanan |
| 11. | Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga | 24. | Keselamatan Siber |
| 12. | Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital | 25. | Teknologi dan Sistem Pintar |
| 13. | Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan | 26. | Pengetahuan dan Penemuan Sains Terkehadapan |

# SYARAT AM PERMOHONAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

**01** Hanya Pusat Kecemerlangan/ kumpulan penyelidik dari universiti yang mengemukakan data MyRA sahaja layak memohon

**02** Semua penyelidik (ketua dan ahli-ahli KKP) mestilah **bertaraf tetap atau kontrak** (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah)

**03** **KKP diketuai oleh seorang penyelidik dari CoE** di IPT dan sekurang-kurangnya 2 kumpulan penyelidik (sama ada dari CoE dan/atau Kumpulan Penyelidik) berbeza IPT dari Ketua KKP dan ahli lain

**04** Kakitangan akademik yang **bercuti belajar dan cuti sabatikal tidak dibenarkan menjadi ketua kumpulan** tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut

**05** **Ketua Induk KKP mestilah mempunyai geran penyelidikan selain geran universiti yang masih aktif dan berkaitan bidang nic KKP** serta menjadi **penyelidik utama** untuk geran tersebut

**06** Ahli-ahli KKP selain Ketua Induk KKP hendaklah menjadi **ketua/ ahli kepada projek penyelidikan yang masih aktif** dalam bidang nic KKP yang dimohon

**07** Permohonan untuk geran ini dibuka kepada projek penyelidikan yang **menepati tema dan penyelidikan bidang nic** yang telah ditetapkan oleh KPT.

**08** CoE dan kumpulan penyelidik **dibenarkan menganggotai hanya 1 KKP sahaja** dimana hanya 1 permohonan KKP akan diperakukan oleh KPT.

**09** Hanya **satu (1) kertas cadangan penuh KKP sahaja** dikemukakan kepada KPT

**10** Semua penerima geran KKP 2020 dan 2021, **tidak dibenarkan** untuk memohon KKP 2025

# HASIL PENYELIDIKAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

## BAKAT

**1 PhD dan 2 Sarjana berdaftar *(enrolled)*** dalam mod penyelidikan sepenuh masa yang berpadanan dengan skop penyelidikan

## PENERBITAN

- **3 penerbitan Q1/Q2** atau **6 penerbitan di dalam Jurnal Citation report (JCR)** dalam tempoh KKP di mana penerbitan mestilah berpadanan dengan skop penyelidikan
- Menyatakan **afiliasi** KKP
- **Penghargaan** kepada geran KKP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan
- Penerbitan berbentuk **article review** tidak dikira

## JARINGAN KOLABORASI

- **1 jaringan kolaborasi** yang aktif dalam bentuk MoA dengan institut penyelidikan atau industri
- Contoh:

i. Penerimaan geran penyelidikan bersama (geran padanan minimum RM50,000);
ii. Penerbitan bersama dalam jurnal 10% teratas;
iii. Projek RDICE, penganjuran persidangan antarabangsa, pemilikan IP secara bersama dan sebagainya.

## LATIHAN

- **Teknologi atau kepakaran** yang dibawa kepada KKP
- Penganjuran sesi perkongsian ilmu atau teknologi/akreditasi/ pensijilan baharu dalam bidang nic melalui **wacana ilmu**
- Hasil latihan mesti **berbentuk laporan**

## SERAHAN HASIL PENYELIDIKAN (*Research Deliverables*)

- **Ketersediaan KKP** bagi membantu kerajaan bagi perkara berkaitan polisi/dasar
- **Menghasilkan kerangka kerja** yang meliputi aspek:
  - ➢ Keberkesanan kepada polisi sedia ada;
  - ➢ Cadangan kepada penambahbaikan polisi/dasar;
  - ➢ Kerangka Halatuju dan/ atau Garis Panduan Baharu; dan
  - ➢ Lain-lain Kerangka Kertas Polisi/ Dasar

# PERATURAN PERMOHONAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

Kertas Cadangan penuh KKP **perlu disaring di peringkat IPT** oleh sekurang-kurangnya seorang panel berjawatan Profesor di dalam bidang kepakaran berkaitan. **Ulasan panel perlu** disertakan di dalam permohonan KKP

- **Keanggotaan KKP** perlu mendapatkan **persetujuan secara bertulis** daripada Pengarah RMC di IPT masing-masing
- Dokumen persetujuan perlu dikemukakan kepada Ketua Induk KKP untuk disokong oleh Pengarah RMC dan mendapat perakuan TNC(PI)

Permohonan KKP perlu **mengikut format** yang ditetapkan oleh KPT

- Pihak RMC dan TNC(PI) bagi Ketua Induk KKP perlu pastikan setiap CoE/Kumpulan Penyelidik hanya dibenarkan untuk menjadi ahli kepada **satu KKP (Induk/Satelit)**
- Hanya RMC kepada Ketua Induk KKP yang perlu mengemukakan permohonan KKP dengan mengisi **Senarai Induk/*Masterlist* (*google form*)** yang menyatakan butiran permohonan KKP

- ***Softcopy* & *hardcopy* borang permohonan KKP dan Senarai Induk/*Masterlist*** berserta dokumentasi berkaitan perlu dikemukakan pada tarikh dan masa ditetapkan
- Kelewatan permohonan **tidak dipertimbangkan** untuk proses selanjutnya

# PROSES PENILAIAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

## Carta Alir Permohonan KKP




**Maklumat yang diperlukan semasa pembentangan Kertas Cadangan Penuh KKP**

1. Keutamaan kepada penyelesaian isu semasa negara
2. Hubungkait kerjasama penyelidikan dalam KKP
3. Keupayaan kerangka polisi yang akan dihasilkan oleh KKP
4. Penglibatan pemegang taruh dalam pelaksanaan projek
5. Impak hasil penyelidikan kepada *Quintuple Helix*
6. Perancangan & kelestarian kerjasama yang dibina selepas tamat KKP
7. Sejarah sinergi bersama antara KKP Induk dan Satelit
8. Ketersediaan KKP untuk memohon penarafan HICoE pada masa hadapan

# PELAKSANAAN PENYELIDIKAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

1. Penyelidikan KKP dilaksanakan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh KPT dan berdasarkan **kertas cadangan KKP (Borang B) yang telah diluluskan**

2. Pelaksanaan KKP mestilah mematuhi **Garis Panduan KKP**. Sebarang perubahan terhadap kertas cadangan KKP mestilah **mendapat kelulusan KPT**

3. Ketua Induk KKP perlu memeterai **memorandum perjanjian (MoA) di antara keahlian** agar pelaksanaan KKP mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KPT dalam tempoh masa **satu (1) tahun**

4. KKP perlu **mencapai sekurang-kurangnya 2/3 KPI** yang disasarkan dalam tempoh dua (2) tahun semasa pemantauan tahunan

5. Ketua Induk KKP perlu mengemukakan **Laporan Naratif, Laporan Kewangan berserta Instrumen Pematuhan KKP**

6. **Penambahan ahli KKP** hanya perlu kelulusan di peringkat RMC Induk sahaja dan surat pemakluman kepada KPT.
   **Perubahan KKP satelit** perlu mengemukakan permohonan berserta justifikasi kepada KPT melalui RMC KKP Induk

# PECAHAN DANA PENYELIDIKAN KKP



## AKTIVITI PENYELIDIKAN

**80%**

**Tujuan Komponen**

- Perkhidmatan dan penyelidikan yang berfokus kepada bidang nic KKP
- Bayaran yuran keahlian dan perkhidmatan profesional seperti *article processing charge* (APC) tidak dibenarkan

## JARINGAN DAN KOLABORASI

**10%**

**Tujuan Komponen**

- Lawatan teknikal penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang nic
- Untuk mendapatkan Geran Padanan berjumlah RM50,000 (minimum)
- Dinyatakan dalam kertas cadangan dan sebarang perubahan memerlukan kelulusan JPT
- Diletakkan di bawah kawalan Ketua Induk KKP

## LATIHAN JANGKA PENDEK PENYELIDIK

**10%**

**Tujuan Komponen**

- Latihan profesional berkaitan bidang nic
- Sangkutan makmal di peringkat serantau dan antarabangsa
- Penganjuran seminar/ persidangan/ bengkel tidak dibenarkan menggunakan dana geran KKP
- Diletakkan di bawah kawalan Ketua Induk KKP

# PERINCIAN KOMPONEN AKTIVITI PENYELIDIKAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

## VOT 11000

- Upah & elaun GRA tempatan mod penyelidikan sepenuh masa bagi pelajar PhD adalah tidak melebihi RM3,000 dan GRA Sarjana RM2,300
- Elaun Pembantu Penyelidik atau (*Research Assistant* – RA) yang bukan berstatus pelajar tidak melebihi siling peruntukan RM2,000/bulan dalam tempoh penyelidikan

## VOT 21000

- Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti penyelidikan.
- Perjalanan yang dibenarkan : menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan dan sangkutan dalam konteks jaringan penyelidikan
- Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan RMC IPT dan dimaklumkan kepada Ketua Induk KKP
- Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan <u>tidak boleh melebihi 20%</u> daripada jumlah keseluruhan geran
- Tertakluk kepada dasar semasa kerajaan

## VOT 24000

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan

## VOT 27000

- Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- Perbelanjaan adalah tidak tertakluk kepada pembelian komputer atau peralatan

## VOT 28000

- Perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan aktiviti teras dibenarkan
- Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak lagi ditanggung oleh geran ini

## VOT 29000

- Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain- lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan
- Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali shja) untuk mempelajari teknik khusus berkaitan penyelidikan KKP. Tempoh dibenarkan adalah tidak melebihi 3 bulan dan jumlah perbelanjaan <u>tidak melebihi 5%</u> daripada jumlah keseluruhan geran

## VOT 35000

- Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan aktiviti teras Konsortium Penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan.
- Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga tertakluk kepada prosedur dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa
- Had siling 20 % daripada had siling peruntukan KKP

# PERINCIAN KOMPONEN JARINGAN KOLABORASI DAN LATIHAN KKP



## VOT 21000

- Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti penyelidikan.
- Perjalanan yang dibenarkan : menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan dan sangkutan dalam konteks jaringan penyelidikan
- Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan RMC IPT dan dimaklumkan kepada Ketua KKP
- Tertakluk kepada dasar semasa kerajaan

## VOT 24000

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan

## VOT 29000

- Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain- lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan
- Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali shja) untuk mempelajari teknik khusus berkaitan penyelidikan KKP. Tempoh dibenarkan adalah tidak melebihi 3 bulan dan jumlah perbelanjaan <u>tidak melebihi 5%</u> daripada jumlah keseluruhan geran

# PERATURAN KEWANGAN KKP



Penyelidik **tidak dibenarkan** mengguna peruntukan Dana Penyelidikan KKP untuk pembelian yang **tidak berkaitan secara langsung** dengan penyelidikan seperti:

1. **Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian** badan profesional/ badan ikhtisas dan seumpamanya
2. **Pembayaran caj pengurusan/ pentadbiran**
3. **Pembayaran bil utiliti/** telekomunikasi
4. **Pembelian peralatan ICT** dan komunikasi (telefon bimbit/ komputer riba/ mesin pencetak/ katrij dan seumpamanya)
5. **Pembelian peralatan pejabat** (e.g. alat tulis/ kertas/ meja/ kerusi dan seumpamanya)
6. **Pembelian peralatan storan** (e.g. external hardisk/ pendrive/ CD dan seumpamanya)
7. **Pembayaran sewaan ruang/ fasiliti** di institusi masing-masing
8. **Pembayaran pemfailan harta intelek** dan seumpamanya
10. Lain-lain **pembelian yang tidak berkaitan secara langsung** dengan projek penyelidikan

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN KKP

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

**Tempoh Permohonan KKP 2025 selama satu (1) bulan**

**Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen**

Mac 03 — Tarikh Buka

April 03 — Tarikh Tutup

April 03 — Khamis
Jam 12.00 Tengah hari

# TERIMA KASIH

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi